

GARIS PANDUAN PELAKSANAAN PENGENAAN CUKAI PERKHIDMATAN BERDASARKAN PENGUMUMAN BAJET 2011

1. Pendahuluan

YB. Menteri Kewangan melalui pembentangan Bajet 2011 di Dewan Rakyat pada 15 Oktober 2010 telah mengumumkan mengenai cadangan:

- (i) menaikkan kadar cukai perkhidmatan daripada 5% kepada 6% ke atas semua perkhidmatan bercukai kecuali kad kredit dan kad caj.
- (ii) mengenakan cukai perkhidmatan ke atas perkhidmatan Penyiaran Televisyen Berbayar

Kedua-duanya akan berkuatkuasa mulai 1 Januari 2011.

2. Peruntukan Undang-Undang

- 2.1 Kenaikan kadar cukai perkhidmatan daripada 5% kepada 6% ke atas semua perkhidmatan bercukai kecuali perkhidmatan kad kredit dan kad caj

Pindaan kadar cukai perkhidmatan ini dikuatkuasakan melalui Perintah Cukai Perkhidmatan (Kadar Cukai) (Pindaan) 2010 [*P.U. (A) 411/2010*].

Dengan pindaan di atas, butiran (a) kepada perenggan 3, Perintah Cukai Perkhidmatan (Kadar Cukai) 2009 [*P.U(A) 468/2009*] akan dibaca seperti berikut:

“3. Cukai perkhidmatan hendaklah dikenakan dan dilevikan ke atas perkhidmatan yang boleh dikenakan cukai pada kadar yang berikut:

- “(a) dalam hal perkhidmatan yang boleh dikenakan cukai selain perkhidmatan yang boleh dikenakan cukai berhubung dengan perkhidmatan kad kredit atau kad caj, **6%** daripada harga, caj atau premium perkhidmatan yang boleh dikenakan cukai yang ditentukan mengikut seksyen 4 Akta; dan”

- 2.2 Pengenaan cukai perkhidmatan ke atas perkhidmatan penyiaran televisyen berbayar

Jadual Kedua kepada Peraturan-Peraturan Cukai Perkhidmatan 1975 [*P.U.(A)52/1975*] telah dipinda dalam Kumpulan G, butiran (b) dalam ruang “perkhidmatan yang kena dibayar cukai” seperti berikut:

- “(b) Penyediaan –
- (i) perkhidmatan telekomunikasi dalam bentuk telefon, faksimili, telemail, alat keloj, telefon selular, teleks, perkhidmatan lebar jalur atau perkhidmatan nilai ditambah; dan
 - (ii) perkhidmatan penyiaran televisyen berbayar”

Pindaan di atas dibuat melalui Peraturan-Peraturan Cukai Perkhidmatan (Pindaan) 2010 [*P.U.(A) 412/2010*].

3. Pelaksanaan

3.1 Kenaikan kadar cukai perkhidmatan dari 5% kepada 6%

Dengan pindaan kepada Perintah Cukai Perkhidmatan (Kadar Cukai) 2009 seperti di perenggan 2.1 di atas, bermakna semua perkhidmatan bercukai sebagaimana disenaraikan dalam Jadual Kedua, Peraturan-Peraturan Cukai Perkhidmatan 1975 adalah tertakluk kepada cukai perkhidmatan pada kadar 6% berkuatkuasa mulai 1.1.2011 kecuali perkhidmatan kad kredit dan kad caj.

3.2 Pengenaan cukai perkhidmatan ke atas perkhidmatan penyiaran televisyen berbayar

- (i) Orang yang kena membayar cukai (“OKC”)

Mana-mana orang yang menyediakan perkhidmatan komunikasi yang berdaftar di bawah Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 [*Akta 588*] atau yang dilesenkan di bawah Peraturan-Peraturan Komunikasi dan Multimedia (Pelesenan) 2000.

- (ii) Perkhidmatan yang kena dibayar cukai

Penyediaan perkhidmatan penyiaran televisyen berbayar – cukai perkhidmatan dikenakan atas yuran langganan.

- (iii) Perkhidmatan yang tidak kena di bayar cukai

Bayaran-bayaran lain yang dikenakan selain yuran langganan.

- (iv) Kadar cukai perkhidmatan

Kadar cukai perkhidmatan yang dikenakan adalah 6%.

(v) Pengenaan cukai perkhidmatan (CP)

Orang yang kena membayar cukai hendaklah mengenakan atau melebihi cukai perkhidmatan 6% daripada amaun yuran langganan yang dicaj kepada pelanggan. Caj 6% cukai perkhidmatan tersebut hendaklah dibuat melalui bil yang dikeluarkan kepada pelanggan mulai 1.1.2011 dan ke hadapan. Contohnya:

Tarikh Bil	Tempoh Bil	Kadar Cukai
Bulanan		
15.12.2010	15.12.2010 – 14.1.2011	Tidak dikenakan CP
15.1.2011	15.1.2011 – 14.2.2011	CP 6%
Suku tahun		
1.12.2010	1.12.2010 – 31.3.2011	Tidak dikenakan CP
1.4.2011	1.4.2011 – 31.7.2011	CP 6%
Setengah tahun		
1.12.2010	1.12.2010 – 31.5.2011	Tidak dikenakan CP
1.6.2011	1.6.2011 – 31.11.2011	CP 6%
Tahunan		
1.12.2010	1.12.2010 – 31.11.2011	Tidak dikenakan CP
1.12.2011	1.12.2011 – 31.11.2012	CP 6%

(vi) Pelesenan di bawah Akta Cukai Perkhidmatan 1975 (ACP 1975)

Orang yang kena membayar cukai seperti di para 3.2(i) yang menyediakan perkhidmatan seperti di para 3.2(ii) di atas hendaklah memohon untuk dilesenkan di bawah seksyen 8 ACP 1975 bagi membolehkan cukai perkhidmatan dipungut daripada pelanggan.

(vii) Pembayaran Cukai

Cukai perkhidmatan hendaklah genap masanya (*becomes due*) pada masa pembayaran diterima. Jika keseluruhan atau mana-mana bahagian bayaran tidak diterima daripada pelanggan dalam tempoh dua belas bulan kalendar dari tarikh bil dikeluarkan, cukai perkhidmatan menjadi genap masanya pada hari yang mengikuti tempoh dua belas bulan kalendar itu.

Mana-mana cukai perkhidmatan yang genap masanya hendaklah kena dibayar dalam tempoh dua puluh lapan hari dari tamatnya tempoh bercukai.

Contohnya:

Tarikh invois/ Bil	Terima Bayaran	Tempoh Cukai	Tamat tempoh bercukai	Tarikh ikrar Penyata CJP1 & tarikh pembayaran
1 Jan 2011	10 Feb 2011	Jan - Feb	28.2.2011	Pada / sebelum 28.3.2011
		Feb - Mac	31.3.2011	Pada / sebelum 28.4.2011
	Mei 2011	Apr - Mei	31.5.2011	Pada / sebelum 28.6.2011
		Mei - Jun	30.6.2011	Pada / sebelum 28.7.2011
	Tidak terima bayaran sehingga 31.12.2011*	Dis - Jan	31.1.2012	Pada / sebelum 28.2.2012
		Jan -Feb	28.2.2012	Pada / sebelum 28.3.2012

(*) hari yang mengikuti tempoh dua belas bulan kalendar adalah pada 1.1.2012

- (vii) Perkhidmatan penyiaran televisyen berbayar yang menggunakan “*internet protocol (IPTV)*” tidak dikenakan cukai perkhidmatan.

3.3 Penentuan kadar cukai perkhidmatan 5% (kadar lama) atau 6% (kadar baru)

Penentuan kadar cukai perkhidmatan hendaklah **berdasarkan tarikh perkhidmatan disediakan**

- (i) Jika perkhidmatan bercukai keseluruhannya disediakan sebelum 1.1.2011 – CP 5% dikenakan
- (ii) Jika perkhidmatan bercukai keseluruhannya disediakan pada/selepas 1.1.2011 – CP 6% dikenakan, walaupun:
- (a) jika pembayaran sepenuhnya (*full payment*) atas perkhidmatan yang disediakan pada/selepas 1.1.2011

tersebut diterima sebelum 1.1.2011 - CP 5% dikenakan;
dan

- (b) jika sebahagian bayaran (*part payment*) diterima sebelum 1.1.2011 dan sebahagian bayaran lagi diterima pada/selepas 1.1.2011 - bahagian bayaran yang diterima sebelum 1.1.2011 dikenakan CP5% dan bahagian bayaran yang diterima pada/selepas 1.1.2011 dikenakan CP 6%.
- (iii) Jika sebahagian perkhidmatan (*part services*) disediakan sebelum 1.1.2011 dan sebahagian lagi disediakan pada/selepas 1.1.2011 maka:
 - (a) bahagian perkhidmatan yang disediakan sebelum 1.1.2011 dikenakan CP 5%; dan
 - (b) bahagian perkhidmatan yang disediakan pada/selepas 1.1.2011 dikenakan CP 6%, walau bagaimanapun:
jika pembayaran sepenuhnya atas perkhidmatan tersebut diterima sebelum 1.1.2011 – CP 5% dikenakan.

3.4 Contoh penentuan kadar cukai perkhidmatan

- (i) Keseluruhan perkhidmatan disediakan (*full-service provided*) sebelum 1.1.2011 dan keseluruhan pembayaran diterima (*full-payment received*) pada/selepas 1.1.2011

CP dikenakan pada kadar **5% daripada nilai perkhidmaan disediakan sebelum 1.1.2011.**

Sebelum 1.1.2011		Pada/selepas 1.1.2011		Kadar CP dikenakan
perkhidmatan disediakan (RM)	Jumlah Bayaran diterima (RM)	perkhidmatan disediakan (RM)	Jumlah Bayaran diterima (RM)	
10,000	-	-	10,000	5% x RM10,000

(* jika nilai jualan bagi keseluruhan perkhidmatan disediakan adalah RM10,000)

- (ii) Keseluruhan perkhidmatan disediakan (*full-service provided*) sebelum 1.1.2011 dan sebahagian pembayaran diterima (*part-payment received*) sebelum 1.1.2011

CP dikenakan pada kadar **5% daripada nilai keseluruhan perkhidmatan yang disediakan sebelum 1.1.2011.**

Sebelum 1.1.2011		Pada/selepas 1.1.2011		Kadar CP dikenakan
Perkhid. disediakan (RM)	Jumlah Bayaran diterima (RM)	Perkhid. disediakan (RM)	Jumlah Bayaran diterima (RM)	
10,000	6,000	-	4,000	5% x RM10,000

- (iii) Keseluruhan perkhidmatan disediakan (*full-service provided*) pada/selepas 1.1.2011 dan keseluruhan pembayaran diterima (*full-payment received*) pada/selepas 1.1.2011

CP dikenakan pada kadar **6% daripada nilai perkhidmatan disediakan pada/selepas 1.1.2011.**

Sebelum 1.1.2011		Pada/selepas 1.1.2011		Kadar CP dikenakan
perkhidmatan disediakan (RM)	Jumlah Bayaran diterima (RM)	perkhidmatan disediakan (RM)	Jumlah Bayaran diterima (RM)	
-	-	10,000	10,000	6% x RM10,000

- (iv) Keseluruhan perkhidmatan disediakan (*full-service provided*) pada/selepas 1.1.2011 dan keseluruhan pembayaran diterima (*full-payment received*) sebelum 1.1.2011

CP dikenakan pada kadar **5% daripada pembayaran diterima sebelum 1.1.2011.**

Sebelum 1.1.2011		Pada/selepas 1.1.2011		Kadar CP dikenakan
perkhidmatan disediakan (RM)	Jumlah Bayaran diterima (RM)	perkhidmatan disediakan (RM)	Jumlah Bayaran diterima (RM)	
-	10,000	10,000	-	5% x RM10,000

- (v) Keseluruhan perkhidmatan disediakan (*full-service provided*) pada/selepas 1.1.2011. Sebahagian pembayaran diterima (*part-payment received*) sebelum 1.1.2011

CP dikenakan pada kadar:

- (a) **5% daripada sebahagian pembayaran yang diterima sebelum 1.1.2011**; dan
- (b) **6% daripada pembayaran yang diterima pada/selepas 1.1.2011.**

Sebelum 1.1.2011		Pada/selepas 1.1.2011		Kadar CP dikenakan
Perkhid. disediakan (RM)	Jumlah Bayaran diterima (RM)	Perkhid. disediakan (RM)	Jumlah Bayaran diterima (RM)	
-	6,000	10,000	4,000	5% x RM6,000 & 6% x RM4,000

- (vi) Sebahagian perkhidmatan disediakan (*part-service provided*) sebelum 1.1.2011 dan pembayaran penuh diterima (*full-payment received*) pada/selepas 1.1.2011

CP dikenakan pada kadar:

- (a) **5% daripada sebahagian nilai perkhidmatan yang disediakan sebelum 1.1.2011**; dan
- (b) **6% daripada nilai perkhidmatan yang disediakan pada/selepas 1.1.2011.**

Sebelum 1.1.2011		Pada/selepas 1.1.2011		Kadar CP dikenakan
Perkhid. disediakan (RM)	Jumlah Bayaran diterima (RM)	Perkhid. disediakan (RM)	Jumlah Bayaran diterima (RM)	
6,000	-	4,000	10,000	5% x RM6,000 & 6% x RM4,000

- (vii) Sebahagian perkhidmatan disediakan (*part-service provided*) sebelum 1.1.2011. Sebahagian pembayaran diterima (*part-payment received*) sebelum 1.1.2011.

CP dikenakan pada kadar:

- (a) 5% daripada sebahagian nilai perkhidmatan yang disediakan sebelum 1.1.2011; dan

- (b) 6% daripada sebahagian nilai perkhidmatan yang disediakan pada/selepas 1.1.2011

Sebelum 1.1.2011		Pada/selepas 1.1.2011		Kadar CP dikenakan
Perkhid. disediakan (RM)	Jumlah Bayaran diterima (RM)	Perkhid. disediakan (RM)	Jumlah Bayaran diterima (RM)	
6,000	4,000	4,000	6,000	5% x RM6,000 & 6% x RM4,000

Nota: Sekiranya perkhidmatan disediakan sebelum 1.1.2011 bernilai RM4,000 dan bayaran diterima sebelum 1.1.2011 berjumlah RM6,000 – CP 5% dikenakan atas bayaran diterima sebelum 1.1.2011 dan CP 6% atas bayaran diterima pada/selepas 1.1.2011

- (viii) Sebahagian perkhidmatan disediakan (*part-service provided*) sebelum 1.1.2011 tetapi pembayaran sepenuhnya diterima (*full-payment received*) sebelum 1.1.2011

CP dikenakan pada kadar **5% daripada keseluruhan pembayaran yang diterima sebelum 1.1.2010**

Sebelum 1.1.2011		Pada/selepas 1.1.2011		Kadar CP dikenakan
Perkhid. disediakan (RM)	Jumlah Bayaran diterima (RM)	Perkhid. disediakan (RM)	Jumlah Bayaran diterima (RM)	
6,000	10,000	4,000	-	5% x RM10,000

4. Situasi Lain:

4.1 *Unredeemed Vouchers*

Voucher yang dibeli/diperolehi sebelum 1.1.2011 yang mana cukai perkhidmatan 5% telah diakaunkan (bayaran telah diterima daripada pelanggan), tiada caj tambahan 1% CP dikenakan walaupun voucher berkenaan ditebus atau digunakan pada/selepas 1.1.2011. Namun jika terdapat bayaran tambahan dikenakan semasa voucher tersebut

ditebus/digunakan maka nilai tambahan terlibat adalah tertakluk kepada CP pada kadar 6%.

4.2 Penyediaan Polisi Insurans kepada Pertubuhan Perniagaan

Cukai perkhidmatan pada kadar 6% bagi polisi insurans yang dikeluarkan kepada pertubuhan perniagaan dikenakan atas polisi insurans yang dikeluarkan mulai 1.1.2011 dan ke hadapan. Contoh pengenaan kadar baru / kadar lama adalah seperti berikut:

Kategori Insurans (<i>new/ renewal</i>)	Tarikh endorsement polisi & tarikh bayaran (<i>full payment</i>)*	Tempoh polisi	Kadar CP dikenakan
Baru	30.12.2010	1.1.2011 – 31.12.2011	CP 5%
	20.12.2010	21.12.2010 – 20.12.2011	CP 5%
	1.1.2011	2.1.2011 – 1.1.2012	CP 6%
Pembaharuan	Polisi luput -10.1.2011		
	31.12.2010	11.1.2011 – 10.1.2012	CP 5%
	9.1.2011		CP 6%

* *biasanya bayaran penuh (full payment received) dijelaskan pada tarikh endorsement*

4.3 Perkhidmatan Telekomunikasi

(i) *Advance Billings* – Tahunan/Suku Tahun/Bulanan

Cukai perkhidmatan 6% hanya dikenakan ke atas bil yang dikeluarkan mulai 1.1.2011 dan ke hadapan. Bagi bil yang dikeluarkan sebelum 1.1.2011, cukai perkhidmatan 5% dikenakan (cukai diremit/dibayar kepada Jabatan mengikut bil dikeluarkan) walaupun meliputi perkhidmatan bercukai untuk tempoh pada/selepas 1.1.2011. Contohnya:

Tarikh Bil	Tempoh Bil	Kadar Cukai
28.12.2010	28.12.2010 – 27.1.2011 (bulanan)	CP 5%
	28.12.2010 – 27.3.2011 (suku tahun)	
	28.12.2010 – 27.12.2011	

	(tahunan)	
1.1.2011 & ke hadapan	Mulai 1.1.2011 dan ke hadapan	CP 6%

(ii) *Postpaid billings*

Kadar CP 6% dikenakan bagi bil yang dikeluarkan pada atau selepas 1.2.2011 oleh kerana bil yang dikeluarkan mulai 1.1.2011 hingga 31.1.2011 meliputi tempoh perkhidmatan (penggunaan) selama sebulan sebelum bil dikeluarkan (sebulan kebelakang). Contohnya:

Tarikh Bil	Tempoh Bil	Kadar Cukai
1.1.2011	1.12.2010 – 31.12.2010	CP 5%
4.1.2011	4.12.2010 – 3.1.2011	CP 5%
28.1.2011	28.12.2010 – 27.1.2011	CP 5%
1.2.2011	1.1.2011 – 31.1.2011	CP 6%

5. Tatacara Mengemukakan Penyata CJP No.1 (SMK Atau Manual) Untuk Tempoh Transisi

- 5.1 Dengan perubahan kadar cukai perkhidmatan dari 5% kepada 6% yang akan berkuatkuasa mulai 1.1.2011, akan terdapat tempoh-tempoh di mana pemegang lesen perlu mengikrar dua Penyata CJP No.1 (CJP1) iaitu “penyata biasa” dan “penyata tambahan (*supplementary*)” untuk sesuatu tempoh cukai sebagaimana ditunjukkan di bawah.
- 5.2 **Jadual A** menerangkan mengenai tatacara mengemukakan Penyata CJP1 bagi syarikat yang mana tempoh cukainya adalah Jan-Feb, Mac-Apr.-Mei – Jun, Julai – Ogos, Sep – Okt., Nov-Dis (bulan ganjil), manakala **Jadual B** menjelaskan tatacara mengemukakan Penyata CJP1 bagi syarikat yang tempoh cukainya Feb-Mac, April-Mei, Jun-Julai, Ogos-Sep, Okt – Nov, Dis-Jan. (bulan genap):

Jadual A

BULAN GANJIL					
Bil	Tempoh Bercukai	Bulan	Tarikh Ikrar	Kadar Cukai	Penyata Di Ikrar
1	Nov/Dis 2010	Nov & Dis 2010	28hb Jan 2011	5%	CJP1- ikrar biasa
2	Jan/Feb 2011	Jan & Feb 2011	28hb Mac 2011	6%	CJP1- ikrar biasa
		Jan & Feb 2011 terima bayaran guna Sek.14(2)ACP*	28hb Mac 2011	5%	CJP1-Supplementary (Jika berkenaan*)
3	Mac/Apr 2011	Mac & Apr 2011	28hb Mei 2011	6%	CJP1- ikrar biasa
		Mac & Apr 2011 terima bayaran guna Sek.14(2)ACP *	28hb Mei 2011	5%	CJP1-Supplementary (Jika berkenaan*)
4	Mei/Jun 2011	Mei & Jun 2011	28hb Jul 2011	6%	CJP1- ikrar biasa
		Mei & Jun 2011 terima bayaran guna Sek.14(2)ACP *	28hb Jul 2011	5%	CJP1-Supplementary (Jika berkenaan*)
5	Jul/Ogos 2011	Jul & Ogos 2011	28hb Sept 2011	6%	CJP1- ikrar biasa
		Jul & Ogos 2011 terima bayaran guna Sek.14(2)ACP*	28hb Sept 2011	5%	CJP1-Supplementary (Jika berkenaan*)
6	Sept/Okt 2011	Sept & Okt 2011	28hb Nov 2011	6%	CJP1- ikrar biasa
		Sept & Okt 2011 terima bayaran guna Sek.14(2)ACP*	28hb Nov 2011	5%	CJP1-Supplementary (Jika berkenaan*)
7	Nov/Dis 2011	Nov & Dis 2011	28hb Jan 2012	6%	CJP1- ikrar biasa
		Nov & Dis 2011 terima bayaran guna Sek.14(2)ACP*	28hb Jan 2012	5%	CJP1-Supplementary (Jika berkenaan*)

BULAN GENAP					
Bil	Tempoh Bercukai	Bulan	Tarikh Ikrar	Kadar Cukai	Penyata Di Ikrar
1	Dis 2010/Jan 2011	Dis 2010	28hb Feb 2011	5%	CJP1-Supplementary
		Jan 2011 terima bayaran guna Sek.14(2)ACP*			
		Jan 2011	28hb Feb 2011	6%	
2	Feb/Mac 2011	Feb & Mac 2011	28hb Apr 2011	6%	CJP1- ikrar biasa
		Feb & Mac 2011 terima bayaran guna Sek.14(2)ACP*	28hb Apr 2011	5%	CJP1-Supplementary (Jika berkenaan*)
3	Apr/Mei 2011	Apr & Mei 2011	28hb Jun 2011	6%	CJP1- ikrar biasa
		Apr & Mei 2011 terima bayaran guna Sek.14(2)ACP*	28hb Jun 2011	5%	CJP1-Supplementary (Jika berkenaan*)
4	Jun/Jul 2011	Jun & Jul 2011	28hb Ogos 2011	6%	CJP1- ikrar biasa
		Jun & Jul 2011 terima bayaran guna Sek.14(2)ACP *	28hb Ogos 2011	5%	CJP1-Supplementary (Jika berkenaan*)
5	Ogos/Sept 2011	Ogos & Sept 2011	28hb Okt 2011	6%	CJP1- ikrar biasa
		Ogos & Sept 2011 terima bayaran guna Sek.14(2)ACP*	28hb Okt 2011	5%	CJP1-Supplementary (Jika berkenaan*)
6	Okt/Nov 2011	Okt & Nov 2011	28hb Dis 2011	6%	CJP1- ikrar biasa
		Okt & Nov 2011 terima bayaran guna Sek.14(2)ACP*	28hb Dis 2011	5%	CJP1- Supplementary (Jika berkenaan*)
7	Dis 2011/Jan 2012	Dis 2011 & Jan 2012	28hb Feb 2012	6%	CJP1- ikrar biasa
		Dis 2011 terima bayaran guna Sek.14(2)ACP*	28hb Feb 2012	5%	CJP1-Supplementary (Jika berkenaan*)

(*) ikrar jumlah bayaran diterima pada/selepas 1.1.2011 atas perkhidmatan yang disediakan sebelum 1.1.2011 (CP 5%) selaras peruntukan di bawah seksyen 14(2) ACP 1975

6. Sebarang masalah yang berbangkit berhubung pelaksanaan perubahan kadar cukai perkhidmatan dan pengenaan cukai perkhidmatan atas perkhidmatan penyiaran televisyen berbayar bolehlah dirujuk kepada pegawai-pegawai kanan, Bahagian Cukai Dalam Negeri, Ibu Pejabat Kastam Diraja Malaysia seperti berikut:

Nama Pegawai	No. Telefon
(i) Pn. Amarjit Kaur A/P Maktiar Singh	03-8882 2220
(ii) Tn. Hj. Mohamad Daud bin Othman	03-8882 2606
(iii) Pn. Balkhis bt. Haji Wahab	03-8882 2616
(iv) Tn. Saad bin Ishak	03-8882 2642
(v) Pn. Saharah bt. Salleh	03-88822619
(vi) Pn. Maimon bt. Zaid	03-8882 2619
(vii) Tn. Muzlan bin Ahmad	03-8882 2625

Disediakan Oleh:

Bahagian Cukai Dalam Negeri,
Ibu Pejabat Kastam Diraja Malaysia
Putrajaya
Disember 2010.